



# LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

(Board of Architects Malaysia)

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur

Alamat Pos  
Peti Surat 12695  
50786 Kuala Lumpur

Tel : +603 - 26982878  
: +603 - 26107087  
Faks : +603 - 26936881  
E-mail : info@lam.gov.my  
Web : www.lam.gov.my

## NOTIS PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2025 BAGI INDIVIDU DAN FIRMA YANG BERDAFTAR DI BAWAH AKTA ARKITEK 1967 [AKTA 117]

Adalah dimaklumkan bahawa **Pembaharuan Pendaftaran bagi Tahun 2025 melalui MyLAM Portal akan bermula pada 1 November 2024**. Semua individu dan firma berdaftar adalah diingatkan untuk mematuhi keperluan pembaharuan pendaftaran selaras dengan peruntukan di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117] dan Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 seperti berikut:

KATEGORI PENDAFTARAN	JUMLAH MATA KREDIT CPD UNTUK PEMBAHARUAN TAHUN 2025	BAYARAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN TAHUN 2025
<b>INDIVIDU</b>		
Arkitek	20	RM300.00
Arkitek Siswazah	12	RM75.00
Pelukis Pelan Bangunan	8	RM200.00
Pereka Bentuk Dalaman	16	RM250.00
Pereka Bentuk Dalaman Siswazah	10	RM75.00
Pemeriksa Tapak	8	RM200.00
Teknologis Seni Bina	8	RM200.00
<b>PENGAMAL PERUNDINGAN SENI BINA</b>		
Pertubuhan Perbadanan	Tidak Berkaitan	RM1000.00
Perkongsian		RM1000.00
Ketuanpunyaan Tunggal		RM500.00
<b>PENGAMAL PERUNDINGAN REKA BENTUK DALAMAN</b>		
Pertubuhan Perbadanan	Tidak Berkaitan	RM750.00
Perkongsian		RM750.00
Ketuanpunyaan Tunggal		RM450.00

### PROSES PEMBAHARUAN PENDAFTARAN INDIVIDU

- Bagi proses pembaharuan pendaftaran individu, semua ahli perlu mematuhi syarat minimum jumlah mata kredit CPD yang ditetapkan. Rujukan juga boleh dibuat kepada **Pekeliling Am Bil. 4/2023** bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan terkini yang telah ditetapkan.
- Permohonan pembaharuan pendaftaran individu perlu dibuat melalui MyLAM Portal sehingga peringkat pembayaran. Resit serta sijil akan dijana melalui MyLAM Portal.

**PROSES PEMBAHARUAN PENDAFTARAN  
FIRMA KESENIBINAAN & REKABENTUK DALAMAN**

- Bagi proses pembaharuan pendaftaran firma, semua ahli berkaitan perlu mematuhi syarat minimum jumlah mata kredit CPD yang ditetapkan dan memperbaharui pendaftaran individu masing-masing sebelum pembaharuan pendaftaran firma diproses.
- Permohonan pembaharuan pendaftaran firma juga perlu dibuat melalui MyLAM Portal sehingga peringkat pembayaran. Resit serta sijil akan dijana melalui MyLAM Portal.
- Sijil pembaharuan pendaftaran firma akan diproses dalam tempoh **tiga (3) hari waktu bekerja** selepas semua syarat dipatuhi. Semakan boleh dibuat melalui MyLAM Portal selepas tempoh tersebut.

**PENTING**

**Pembaharuan pendaftaran individu perlu dibuat sebelum pembaharuan pendaftaran firma.**

Semua permohonan bagi Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2025 hendaklah dibuat secara atas talian melalui MyLAM Portal di pautan [mylam.lam.gov.my](http://mylam.lam.gov.my). Pautan ini akan diaktifkan bermula daripada **1 November 2024 sehingga 31 Disember 2024 sahaja**. Nama Individu dan firma yang tidak memperbaharui pendaftaran dalam tempoh tersebut akan dikeluarkan daripada Daftar Lembaga Arkitek Malaysia. Sebarang pertanyaan berhubung pembaharuan pendaftaran ini boleh diemelkan kepada Sekretariat di [renewal@lam.gov.my](mailto:renewal@lam.gov.my)

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,



**(Ar. HANI YULIATI BINTI MOHD. LASA)**  
Pendaftar  
Lembaga Arkitek Malaysia

**18 Oktober 2024**